



HARUN(duakanan)menyerahkanwatikahperlantikan sekolah angkat Mapim kepada salah seorang wakil sekolah angkat.

Buku ilmiah negara diterima baik di peringkat antarabangsa

UB 05.07.2012 AS

Oleh **YAP SIONG HAN**

sionghan_yap@yahoo.com

KOTA KINABALU: Buku Ilmiah Malaysia diterima dan mempunyai pasaran yang sangat baik di negara-negara Asia Tenggara.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata periyertaan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim) dalam pesta buku antarabangsa diterima baik oleh negara seperti Brunei dan Singapura.

“Saya pasti buku-buku terbitan ahli-ahli Mapim yang terdiri daripada 20 institut pengajian tinggi awam telah menyusuri seluruh pelusuk dunia bukan sahaja Asia Tenggara.

“Buku-buku ilmiah karya sarjana Malaysia telah menjadi bahan rujukan dan bacaan masyarakat seluruh dunia dengan adanya usaha pemasaran yang bersifat global,” katanya merasmikan pembukaan bengkel merealisasikan hala tuju pemasaran MAPIM 2012 di sini pada malam Selasa lalu.

Beliau berkata, Mapim kini dilihat sebagai satu badan gabungan yang mempunyai keunikan tersendiri dan menjadi pelengkap pusingan industri buku.

Menurut Mohd Harun, tidak ramai penerbit di Malaysia yang mengusahakan penerbitan ilmiah tetapi dengan adanya Mapim, khazanah ilmuan negara akan berkembang dari zaman ke zaman.

“Saya merasakan usaha Mapim yang telah lama dimulakan dalam memajukan penerbitan ilmiah perlu diteruskan.

“Sudah tiba masanya Mapim lebih agresif dalam meningkatkan strategi pemasaran melalui kaedah pemasaran yang berkesan dan berimpak tinggi,” katanya.

Justeru, penganjuran bengkel yang diadakan tepat sekali dalam usaha bersama memastikan Mapim sentiasa dalam landasan yang betul.

Tambahnya, aktiviti pemasaran perlu dipelbagai dan diinovasikan supaya keterbitan antarabangsanya dapat diserlahkan seterusnya dapat bersaing dengan penerbit buku ilmiah yang lain.